



Pengurusan Secara Merayap merupakan pendekatan di mana semua jabatan akan melawat dan memantau sendiri perjalanan harian jabatan masing-masing



Pendekatan Pengurusan KUKUM

Oleh : Norsyahiza Hamzah

Kejayaan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada usaha dan kerjasama setiap staf dalam organisasi tersebut. Perancangan dan pemantauan pihak pengurusan haruslah disusuli dengan pelaksanaan oleh setiap lapisan staf. Dalam merealisasikan perkara tersebut, tiga pendekatan pengurusan telah digariskan iaitu Pengurusan Secara Merayap, Pengurusan Berasaskan Kaunseling dan Pengurusan Secara Objektif. Pendekatan Pengurusan KUKUM ini telah dibincangkan secara mendalam di dalam Diskusi Pagi yang dihadiri oleh semua Ketua Jabatan dan Dekan.

Pengurusan Secara Merayap merupakan pendekatan di mana semua jabatan akan melawat dan memantau sendiri perjalanan harian jabatan masing-masing. Pendekatan pengurusan ini perlu disertai dengan motivasi, kepimpinan, sistem komunikasi yang bijaksana dan objektif terancang agar pendekatan yang dilakukan berhasil. Melalui Pengurusan Secara Merayap, Ketua Jabatan akan lebih peka terhadap keadaan sebenar yang dihadapi oleh staf dan dapat mengambil langkah segera untuk menangani situasi atau permasalahan yang timbul. Pengurusan Secara Merayap juga dapat menjalinkan hubungan yang lebih mesra antara Ketua Jabatan dan staf di jabatannya serta Ketua Jabatan boleh memberi bimbingan secara langsung kepada setiap staf.

Dalam sesebuah organisasi, konflik merupakan perkara lumrah dan bukan sahaja berlaku di antara pekerja dengan majikan atau di antara satu jabatan dengan jabatan lain malah sering juga berlaku konflik interpersonal dan konflik dalaman. Pengurusan Berasaskan Kaunseling merupakan kaedah menolong dan menasihati individu yang menghadapi konflik. Kaunseling boleh menambahkan identifikasi pekerja terhadap organisasi. Dalam konteks penyelesaian konflik, penggunaan pendekatan berasaskan kaunseling bermaksud kaunselor yang mengendalikannya perlu mempunyai ciri-ciri dan kemahiran yang diperlukan semasa menjalankan sesi kaunseling. Kaunselor terlebih dahulu perlu

menjalinkan kemesraan dengan pihak-pihak yang berkonflik dan seterusnya meneroka punca berlakunya konflik untuk mendapatkan pemahaman yang jelas. Tahap berikutnya adalah mendapatkan kehendak pihak-pihak yang terbabit terhadap penyelesaian konflik tersebut dan diikuti dengan perbincangan mengenai strategi atau kaedah penyelesaiannya.

Seciranya tiada usaha untuk memantau dan mendalami permasalahan yang timbul, maka konflik akan muncul dan apabila tiada tindakan diambil konspirasi tidak sedar akan berkembang. Jika kemahiran kaunseling digunakan sebaiknya, kemantapan sesebuah organisasi akan bertambah dan seterusnya boleh mencapai matlamat ke arah kegemilangan yang diingini.

Pengurusan Secara Objektif pula diperkenalkan adalah bertujuan memotivasikan pekerja-pekerja dan bukannya untuk mengawal pekerjaan atau pergerakan mereka. Pengurusan Secara Objektif juga adalah satu kaedah pengurusan yang menitikberatkan kepada matlamat-matlamat yang nyata, yang boleh disahkan dan dapat diukur keberkesanannya. Melalui pendekatan ini, objektif keseluruhan sesebuah organisasi akan dipecahkan kepada objektif-objektif yang lebih khusus yang harus dipikul oleh jabatan atau staf di bawah organisasi tersebut. Tujuan utama pemecahan objektif keseluruhan dilakukan adalah kerana pemantauan yang lebih berkesan akan dapat dilakukan di peringkat awal bagi menjamin segala kegiatan yang dilakukan menuju kepada pencapaian objektif keseluruhan seperti yang dikehendaki.

Pendekatan pengurusan yang digariskan boleh menjadi panduan dan diamalkan oleh setiap Ketua Jabatan dalam memimpin setiap staf di dalam jabatan masing-masing dan secara tidak langsung akan membantu ke arah merealisasikan sasaran dan halatuju KUKUM untuk menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia.